



buletin Mutiara

PERCUMA

1 – 15 November 2011



Bergema Takbir dan Tahmid Memuji Ilahi. Salam Aidiladha 1432H daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bantuan pendaftaran IPTA

BUTTERWORTH – Para ibu bapa menarik nafas lega ekoran inisiatif Kerajaan Negeri menambah RM500 (menjadikan jumlah keseluruhan RM1,000) jumlah sumbangan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada anak-anak kelahiran Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dengan pertambahan tersebut, setiap bakal mahasiswa dan mahasiswi kelahiran negeri ini menerima RM1,000 bagi tujuan pendaftaran ke IPTA di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Menurut Pembantu Tadbir Unit Protokol Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Azizan Hassan, 55, beliau dan keluarga amat bersyukur dan lega dengan pemberian sumbangan tersebut.

“Wang RM1,000 itu cukup untuk membayar yuran pendaftaran, perjalanan pergi balik, makan dan minum ketika menghantar anak kedua daripada empat beradik (Nurul Aifaa Adila Azizan) kami ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Arau, Perlis bagi mengikuti pengajian aktauntansi baru-baru ini.

Dalam pada itu, Azizan berharap agar Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan beliau supaya memberikan sumbangan tambahan kepada pelajar-pelajar yang berjaya mengikuti pengajian di IPTA Sabah dan Sarawak.



AZIZAN Hassan (tengah) dan Nurul Aifaa Adila Azizan (kiri sekali) bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA di sini baru-baru ini.

“Ini kerana, yuran pendaftaran IPTA di sana adalah RM1,500 berbanding beberapa ratus saja di sini. Pada masa sama, ibu bapa dan pelajar juga terpaksa menanggung perbelanjaan logistik seperti tempahan tiket kapal terbang pergi balik,” jelas beliau.

Azizan merupakan antara ribuan bapa yang berjaya memperoleh sumbangan RM1,000 Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA hasil keperihatinan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) berjiwa rakyat baru-baru ini.

Bagi seorang bapa, Mohamad Nasir, 50-an, beliau menyatakan bahawa program sebegini sepatutnya dilaksanakan dari dulu lagi.

kurang beban ibu bapa, realisasi impian anak muda Pulau Pinang



PENGURUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) menyampaikan sumbangan wang ringgit, senaskah al-Quran dan sejadah kepada salah seorang jemaah di Masjid Kampung Binjai, Batu Maung di sini baru-baru ini. Gambar oleh Ahmad Farhan Mohd. Fauzi. Berita di muka 4.

“Kini, Kerajaan Negeri PR dah laksanakan dan saya amat berterima kasih kepada pucuk pimpinan. Lazimnya, sumbang-

an ini dapat meringankan beban yang ditanggung ekoran kos sara hidup yang semakin meningkat,” ujarnya yang mana

anak beliau, Badrul Hisham berjaya melanjutkan pengajian da-lam bidang Kejuruteraan Awam.

KERAJAAN BERJIWA RAKYAT

FAKTA :

- Salah seorang ibu/bapa pengundi PP
- Pendapatan isi rumah kurang RM4,000
- Pendaftaran di pejabat daerah atau Pejabat ADUN

DAFTARLAH SEKARANG!!!

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS □ PROGRAM ANAK EMAS □ PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN

Jasa 394 penjawat awam dikenang

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Terasa begitu dihargai. Gembira, berbaloi dan diiktiraf.

Mungkin, itulah perasaan 394 penjawat awam yang menerima anugerah dalam pelbagai kategori di majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010, Anugerah Inovasi Sektor Awam 2010 dan Jasamu Dikenang 2011 pada 12 September lepas.

Daripada jumlah tersebut, seramai 239 telah diiktiraf sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 berdasarkan prestasi kerja yang begitu profesional memartabatkan kerajaan Pulau Pinang sebagai ‘kerajaan berjiwa rakyat’; seramai 132 pesara wajib dan 22 penjawat awam yang bersara secara pilihan turut diraikan pada malam tersebut.

Paling bermakna, waris kepada Allahyarham Muhamad Zambri Mansor @ Harun turut diraikan. Allahyarham meninggal dunia dalam perkhidmatan.

Bagi Vijaya Letchumi a/p Subramaniam, 35, Penolong Pegawai Tadbir (PPT) di Pejabat Tanah dan Daerah Timur Laut antara yang bertuah kerana anugerah yang diterimanya pada malam tersebut adalah kali yang kedua.

Kali pertama beliau menerima anugerah adalah pada tahun 2007, iaitu ketika beliau berkhidmat di Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).

“Ini, suatu pengiktirafan Kerajaan Negeri atas sumbangan kami kepada rakyat,” ujarnya.

Seorang lagi penerima anugerah, Faziana Farook, 28, Penolong Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat SUK turut berkongsi pengalaman berkhidmat lebih empat tahun dengan kerajaan dahulu dan ‘kerajaan hari ini’ turut dikongsi.

“Sesuatu yang berbeza kerana kerja kita memerlukan komitmen yang lebih tinggi, ekspektasi kepada penjawat awam sekarang kian bertukar,” ujar beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata, penjawat awam di negeri Pulau Pinang tidak menghadapi konflik kepentingan kerana mereka diminta untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada ‘kerajaan hari ini’ sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Sidek Hassan.

Dalam pada itu, Vijaya Letchumi dan Faziana juga masing-masing mengakui bahawa pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sedikit banyaknya mengubah budaya



VIJAYA Letchumi a/p Subramaniam (kiri sekali) bergambar kenang-kenangan bersama penerima anugerah yang lain.

kerja dalam pentadbiran awam di negeri bekenaan.

Bagi Faziana, yang penting penjawat awam sendiri wajar menyesuaikan diri dengan perubahan yang dibawa oleh ‘kerajaan hari ini’.

“Secara asasnya sistem pentadbiran memang hampir sama tetapi proses pengurusan pentadbiran di sini mungkin berbeza (berbanding di negeri-negeri lain)... mungkin lebih pantas lah,” ujar beliau dalam nada ketawa.

Kegembiraan yang sama turut disuarakan oleh Penolong Pegawai Tadbir (PPT) SUK, Mohd. Faizal

Ismail, 32, beliau menegaskan bahawa, soal amanah dan tanggungjawab wajar diutamakan oleh penjawat awam. Soal politik kepartian wajar dianggap soal peribadi.

Menyentuh mengenai pemberian bonus kakitangan Kerajaan Negeri menjelang Hari Raya Puasa lepas, Mohd. Faizal menyatakan bahawa bonus tersebut sebagai salah satu motivasi yang banyak membantu beliau di tempat kerja.

“Saya rasa seronok lah. Macam Ketua Menteri kata, jika kita boleh kutip lebih (keuntungan), kita boleh dapat lebih (bonus). Itu yang amat kita puas hati,” beliau berseloroh.



ZAINAL Roslin

Kampung Buah Pala: Penantian dua tahun berbaloi, pampasan rumah RM500,000

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Kemelut isu Kampung Buah Pala akhirnya sampai ke penghujung apabila 24 keluarga menerima kunci rumah teres dua tingkat bernilai kira-kira RM500,000 dan hak pemilikan kekal daripada Kerajaan Negeri di sini semalam.

Penerimaan pampasan tersebut adalah hasil perbincangan dan inisiatif khas Kerajaan

Negeri bersama pihak pemaju, Nusmetro Ventures Sdn. Bhd..

Dalam pada itu, kemudahan dewan serbaguna dan juga sebuah kuil Hindu turut akan dibina dalam tempoh terdekat bagi mengekalkan sebuah kampung baru dengan tradisi masyarakat India.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian tersebut adalah hasil kerja keras banyak pihak termasuk Kerajaan Negeri yang sebelum ini dituduh tidak bertanggungjawab ekoran tidak dapat membela nasib penduduk Kampung Buah Pala.

“Namun, selepas dua tahun, saya bersyukur kerana Kampung Buah Pala masih kekal di sini bersama-sama penduduknya walaupun namanya kini telah ditukar kepada Taman Buah Pala. Keadaannya juga seperti dahulu, cuma rumah yang dibina lebih selesa,” katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Taman Buah Pala di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli Parlimen Gelugor, Karpal Singh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Sanisvara Nethaji Rayer, Ahli-ahli Exco Kerajaan

Negeri dan Pengarah Urusan Nusmetro Ventures Sdn. Bhd., Thomas Chan.

Dalam pada itu, **LATHA**, seorang penduduk, Zainal Roslin, 79, yang telah menetap di Kampung Buah Pala sejak 1950-an menyatakan bahawa beliau amat berpuas hati dengan pampasan dan hasil usaha Kerajaan Negeri dalam mengembalikan keadilan kepada penduduk Kampung Buah Pala.

“Saya sangat berpuas hati. Terima kasih tidak terhingga dengan pemberian ini,” ujarnya yang merupakan bekas anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini.

Bagi seorang suri rumah yang hanya ingin dikenali sebagai Latha, 43, beliau menyatakan bahawa pada permulaannya keluarganya enggan untuk menerima rumah pampasan yang disediakan. Namun, setelah melihat rumah tersebut siap dibina, akhirnya beliau sekeluarga telah bersetuju.

“Rumah yang diberikan terlalu cantik dan bernilai tinggi sehingga memaksa kami untuk berfikir semula dan menerima cadangan Kerajaan Negeri,” ujarnya.



KEADAAN rumah Taman Buah Pala.



ZAINAL

Bunuh karektor pelajar 16 tahun bukti Umno bankrap politik – Mansor

GEORGE TOWN – Fitnah melampau yang dilemparkan kepada anak Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Lim Guan Eng membuktikan bahawa pihak pembangkang bankrap politik dalam menyerang Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, tindakan terdesak Umno itu sekaligus membuktikan mereka gagal menolak keberkesanannya Kerajaan Negeri dalam mengutamakan kebajikan rakyat.

“Dia baru 16 tahun, mengapa jadi mangsa politik mereka.”

“Inilah cara mereka, fitnah seorang pelajar sekolah dengan bunuh karektor si ayah (Guan Eng) cukup melampaui batas rasional seorang manusia,” ujar beliau pada sidang akhbar di Komtar di sini baru-baru ini.

Bagi beliau, insiden tersebut sekaligus turut mencemarkan perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang dijadualkan sebelum ini.

“Saya berharap Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak berdiam diri,” tegas beliau.

“Bagaimana tema ‘Menjana Karisma Kanak-Kanak’ nak direalisasikan kalau pembunuhan karektor jadi budaya pemimpin-pemimpin Umno sendiri,” soal beliau.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Prof Dr. P. Ramasamy dan beberapa ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri lain turut hadir menyatakan bantahan kepada pihak pembangkang.

Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin antara yang menuduh anak Guan Eng meraba buah dada seorang pelajar perempuan.

Bagaimanapun, gambar ‘misteri’ pelajar itu yang didedah di blog-blog Umno dikesan palsu serta fitnah.

Perkembangan terbaru dijangka akan terus menjalar imej Barisan Nasional di sisi rakyat.

RM100 - “Lebih baik dari tiada langsung”

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – “Lebih baik dari tiada langsung.” Demikianlah ungkapan ringkas seorang golongan kelainan upaya (OKU) yang merupakan salah seorang penerima wang RM100 pada Majlis Penyampaian Bantuan Ibu Tunggal dan OKU kumpulan pertama yang diadakan di Dewan Masya-rakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Penerima OKU, Teh Ewe Chan, 44, menyatakan bahawa sumbangan yang diterima tidaklah banyak, namun, beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menjaga kebajikan rakyat terutama kepada golongan yang kurang berkemampuan.

“Lebih baik dari tiada langsung. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri,” ujar beliau ringkas ketika ditemui oleh wartawan Buletin Mutiara di sini baru-baru ini. Beliau merupakan seorang pesakit strok sejak tahun lalu dan bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak.

Bagi membela kebajikan seluruh rakyat negeri ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah bersetuju untuk melanjutkan Program Penghargaan Warga Emas yang memberikan sumbangan RM100 kepada semua warga



ROSZIAH Mohd. Ismail ditemani anaknya.

LIM Guan Eng membantu Teh Ewe Chan bergerak menggunakan kerusi rodanya.

emas berusia 60 tahun dan ke atas kepada golongan ibu tunggal serta OKU.

Dalam pada itu, seramai 150 ibu tunggal dan OKU di daerah Timur Laut telah menjadi kumpulan penerima pertama program berkenaan di sini baru-baru ini. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ibu tunggal, Gorpal Kaur, 43, yang bersyukur dengan pemberian tersebut berharap program-program sebegini dapat diadakan setiap tahun bagi membantu golongan kurang bernasib baik di negeri ini.

Beliau yang menetap di Air Putih dan tidak bekerja mempunyai empat anak turut menerima sumbangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM300 sebulan.

Menurut seorang lagi ibu tunggal, Rosziah Mohd. Ismail, 48, beliau tidak pernah menerima bantuan daripada mana-mana pihak sebelum ini.

“Ini kali pertama saya diberi bantuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang,” ujar beliau yang juga merupakan seorang suri rumah dan mempunyai empat orang



KETUA Menteri (dua dari kiri) menyatakan sesuatu kepada Hamidah (tiga dari kiri) sambil diperhatikan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussein (kiri sekali) pada majlis penyampaian sumbangan khas kepada keluarga mangsa di sini baru-baru ini.

Keluarga mangsa lemas dapat perhatian KN

berumur empat bulan dan tiga tahun. Difahamkan, anak beliau yang berumur tiga tahun juga mempunyai masalah jantung.

Dalam kejadian yang berlaku pada 1 September lalu, Allahyarham Abdul Razak Osman, 32, mati lemas ekoran cubaan menyelamatkan Abdullah Mukmin, 12, (juga mati lemas) yang merupakan anak

saudaranya di Pantai Pasir Panjang di sini.

Dalam pada itu, bagi Allahyarham Abdullah, sumbangan telah diterima oleh bapa beliau iaitu Ahmad Nasser Osman, 42.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri yang prihatin dengan keluarga kami,” kata Ahmad Nasser.

Komtar berubah wajah, penambahbaikan perlu diteruskan

GEORGE TOWN – Rata-rata para peniaga bersyukur atas inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) berhubung penambahbaikan persekitaran kawasan Kompleks Tunku Abdul Rahman (Komtar) yang lebih ceria dan memberi impak positif kepada perniagaan masing-masing.

Dalam pada itu, peniaga-peniaga yang ditemui *Buletin Mutiara* (BM) baru-baru ini berharap supaya inisiatif tersebut dapat diteruskan sebagai usaha berterusan dalam menobatkan bangunan yang kini telah berusia hampir 25 tahun itu sebagai mercu tanda serta identiti negeri Pulau Pinang dan juga sebagai bangunan pentadbiran Kerajaan Negeri sejak dahulunya.

Ini adalah untuk mengelakkan Komtar daripada menjadi ‘sepi’ selepas jam 6 petang (selepas waktu pejabat) dan juga pada hujung minggu yang mana orang ramai lebih cenderung berkunjung ke pasaraya-pasaraya baru yang tumbuh bagai cendawan di sini.

KN : Selamat berangkat ke Tanah Suci, bawa imej umat Islam hakiki

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

BATU MAUNG – Seramai 72 tetamu Allah bagi tahun 1432H telah diraikan dalam satu majlis yang diadakan di Masjid Kampung Binjai di sini baru-baru ini.

Majlis Saguhati kepada Bakal Haji 2011 dan Tahlil itu adalah anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim yang juga Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Menurut Abdul Malik, majlis seumpama ini telah diadakan empat tahun berturut-turut.

“Alhamdulillah, saya bagi pihak Kerajaan Negeri akan mendoakan para tetamu Allah supaya dipermudahkan segala urusan dan peroleh haji mabruk,” ujar Abdul Malik.

Tambah beliau lagi, bagi pihak Kerajaan Negeri, beliau turut menyampaikan ucapan selamat tinggal dan selamat berangkat ke Tanah Suci serta menyarankan agar para jemaah dapat menjaga kesihatan dan keselamatan ketika berada di Tanah Suci kelak.

Beliau juga menyeru agar para jemaah membawa imej umat Islam yang hakiki agar menjadi cerminan keindahan Islam bukan sahaja di Pulau Pinang

Menurut seorang peniaga kedai makanan masakan Melayu, Omar Harun, 51, Kerajaan Negeri tidak pernah mengganggu mahupun diskriminasi terhadap peniaga Melayu terutamanya sepertimana yang dilaporkan media. Peniaga seharusnya menjalankan perniagaan dengan menggunakan landasan yang betul, patuh pada undang-undang ditetapkan, bukan sewenang-wenangnya menjalankan perniagaan mengikut sesuka hati.

“Diharap Kerajaan Negeri dan pihak yang terlibat terus mencari inisiatif bagi menghidupkan semula Komtar seperti zaman kegemilangannya dahulu.”

“Dahulunya Komtar adalah tumpuan utama penduduk Pulau Pinang, namun, kini ianya seakan sepi dengan membangunnya kompleks membeli belah di sekitar Pulau Pinang,” katanya yang telah menjalankan perniagaan selama empat



OMAR Harun



NG



DARREL

tahun kepada BM di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, penjual buah-buahan yang hanya ingin dikenali sebagai Ng, 54, menyatakan bahawa beliau tidak pernah menghadapi sebarang masalah sepanjang dua tahun menjalankan perniagaan buah-buahan.

Malah, buah yang dijualnya sentiasa laris dalam tempoh tiga jam. Beliau juga turut berkongsi cerita, penjawat awam adalah antara pelanggan tetapnya setiap hari.

Bagi seorang peniaga yang hanya ingin dikenali sebagai Mohd. Jamil, 33, yang telah hampir 12 tahun menjalankan perniagaan di sini berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan membuka kembali Menara Kom-

tar untuk kunjungan orang awam dan pelancong asing menikmati pemandangan Pulau Pinang dari jarak atas.

Sependapat adalah peniaga hanya ingin dikenali sebagai Darrel, 21, beliau lazimnya tidak menghadapi sebarang masalah atau kesulitan sepanjang lima tahun menjalankan perniagaan di sini. Malah, beliau melahirkan rasa gembira kerana Komtar telah berubah wajah hasil inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.

“Saya kini berasa lebih selesa untuk menjalankan aktiviti jualan dengan adanya kiosk-kiosk baru yang telah disewa kepada mereka yang ingin menjalankan perniagaan,” jelas Darrel.

Ruang solat selesa di premis awam dan swasta

GEORGE TOWN – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIPP) melalui Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau diarahkan untuk memantau bagi memastikan semua premis awam, pusat membeli-belah dan hotel menyediakan tempat solat lebih selesa dan menepati piaawaian keselesaan serta menepati kehendak syarak.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim berkata, arahan tersebut juga meliputi ruang solat atau surau yang disediakan oleh pihak pemaju di rumah-rumah pangsa.

“Usaha mewujudkan ruang solat lebih selesa ini telah dimulakan pada tahun lepas, iaitu apabila Kerajaan Negeri mewujudkan sebuah surau awam yang lebih selesa di Tingkat 4 Komtar, yang telah dirasmikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 6 Jun 2010.


“Kini pihak Exco Hal Ehwal Agama

juga telah merancang dan mengenal pasti kawasan untuk didirikan sebuah surau awam di Padang Kota Lama bagi kemudahan pelancong dalam dan luar negeri menuaikan solat,” katanya dalam satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

Beliau menambah, selaku Exco Hal Ehwal Agama, selain memastikan semua rakyat mendapat pembelaan yang sewajarnya, perkembangan dan kemajuan masyarakat Islam di negeri ini sentiasa menjadi fokus utama beliau.

“Buktinya peruntukan berkaitan hal ehwal agama Islam telahpun meningkat lebih seratus peratus berbanding dengan peruntukan kerajaan terdahulu.

“Semasa mengambil alih pentadbiran pada 2008, kerajaan terdahulu hanya memperuntukan sebanyak RM 15.99 juta, namun peruntukan itu telah ditingkatkan sebanyak RM22.22 juta pada tahun 2009. Ia terus meningkat pada tahun 2010 sebanyak RM27.38 juta dan RM 33.33 juta pada tahun 2011,” ujar Abdul Malik.



ABDUL Malik Abul Kassim

malah di mata dunia.

“Sekurang-kurangnya, sumbangan yang tidak seberapa ini dapat membantu para jemaah haji sedikit sebanyak dalam segala urusan,” tambah beliau yang telah menyampaikan sumbangan wang ringgit, senaskah Al-Quran dan sejadah kepada setiap jemaah di sini baru-baru ini.

Salah seorang bakal jemaah haji yang ditemui berkata, beliau sangat terharu dengan sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan ADUN kawasan Batu Maung serta melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga.

“Tahun lepas akak dapat juga sumbangan ni, tapi tak tahu mana silapnya, penerbangan tak ada nama akak,” ujar Sa’adiah Ahmad, 57.

Selain itu, Fazidah Musa, 41, berasa sangat bersyukur kerana suami beliau, Anuar Musa, 48 berserta ibunya, Kalsom Yahya, 63, bakal menuaikan rukun Islam yang kelima bersama.

“Alhamdulillah, walaupun mulanya suami dan ibu saja yang dapat panggilan, rayuan untuk saya turut serta tahun ini terjawab,” ujarnya.

Hadir sama dalam majlis tersebut Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Permatang Damar Laut, Yaacob Md. Noor dan Pengerusi JKKK Batu Maung, Yusoff Osman.

Perparitan konkrit elak banjir

Oleh: MOHD HAFIZ TAJUDIN

PERMATANG PASIR – Para penduduk Kampung Kota di sini menarik nafas lega berikutan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membina sistem perparitan konkrit bagi mengelak kejadian banjir kilat berlaku secara berterusan.

Pegawai Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT), Saiful Azli Mohamed Nor berkata, sistem perparitan asal yang disiapkan oleh penduduk setempat bersama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) sebelum ini tidak dapat bertahan lama berikutan hanya menggunakan tanah. Ekoran itu, ia menyebabkan saluran sistem terbabit tersumbat dan seterusnya menyebabkan banjir apabila

hujan turun.

“Sebelum ini, cadangan telah dikemukakan oleh pejabat daerah, namun, berikutnya kekangan peruntukan, kita tidak dapat melaksanakannya pada tempoh segera walaupun keperluannya telah dipohon sejak beberapa tahun lalu.

“Namun pada tahun ini, kita akan dapat laksanakannya dengan membina sistem perparitan konkrit di bawah peruntukan Pengurus Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang”, kata Saiful Azli.

Saiful Azli berkata demikian ketika mengadakan lawatan bersama Choo Kiang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Permatang Pasir,

SAIFUL Azli Mohamed Nor (kiri sekali) mengadakan perbincangan bersama Law Choo Kiang (dua dari kanan) dan Mohd. Salleh Man (dua dari kiri) berhubung usaha menaiktaraf sistem perparitan di Kampung Kota di sini baru-baru ini.

Datuk Mohd. Salleh Man di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, menurut Choo Kiang, ekoran inisiatif berterusan, tahap banjir di Pulau Pinang pada tahun 2010 disahkan lebih baik berbanding negeri-negeri lain

“Walau bagaimanapun, kita tidak boleh berpuas hati kerana keadaan cuaca seluruh dunia kini tidak menentu dan sebuah bandar besar juga boleh mengalami banjir. Oleh yang demikian,



Kerajaan Negeri akan terus berusaha mengatasi permasalahan ini agar dapat terus memperbaiki tahap banjir ke arah yang lebih baik,” jelasnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Antara projek yang telah diluluskan peruntukan di daerah SPT :

Persimpangan Jalan Machang Bubok – Bukit Teh – Projek menaiktaraf sistem saliran (RM3 juta).

Kawasan Perindustrian Alma

(Jalan Seladang) – Menaiktaraf parit di sepanjang Jalan Seladang (RM1.3 juta).

Lembangan Sungai Rambai (Taman Makok dan Taman Desa Damai) – Projek rumah pam dan naiktaraf sistem perparitan (anggaran RM10 juta).

Taman Remia – Projek menaiktaraf parit dan kolam takungan (RM1 juta).

Kampung Kebun Sireh – Menaiktaraf sistem perparitan (RM240,000).

AMK ketuai laporan polis risalah fitnah

BUKIT MERTAJAM – Sekretariat Pemuda Pakatan Rakyat Pulau Pinang telah membuat satu laporan polis berhubung risalah fitnah mirip ‘30 Dasar Kerajaan Berjiwa Rakyat’ yang dikeluarkan Kerajaan Negeri sebelum ini.

Laporan yang diketuai oleh Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Pulau Pinang, Amir Ghazali itu dibuat dua hari sebelum berlangsungnya Majlis Rumah Terbuka Malaysia yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Guar Perahu pada 10 September lalu.

Cetakan versi palsu itu dipercayai telah didalangi pihak yang tidak bertanggungjawab ekoran penggunaan jata Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan yang salah untuk menghasut rakyat supaya mempunyai pemahaman salah terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR).

“Kita anggarkan sudah ada 10,000 risalah yang telah disiapkan untuk edaran dan kita pohon pihak polis bantu menghentikan fitnah terhadap Kerajaan Negeri.

“Majlis adalah untuk meraikan perayaan di peringkat nasional, bukan untuk meraikan UMNO semata-mata. Maka penyebaran fitnah seperti ini adalah bertentangan dengan semangat perayaan Aidilfitri. Tambah biadab, risalah ini akan tersebar di majlis yang akan dihadiri oleh sidang EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang,” tegas Amir selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah

AMIR Ghazali (duduk, tengah) dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee (duduk, kanan sekali) menunjukkan risalah palsu ‘30 Dasar Kerajaan Berjiwa Rakyat’ di sini baru-baru ini.



RISALAH fitnah karikatur ‘Transformasi vs Reformasi’



GEORGE TOWN - IHS Incorporated, sebuah syarikat yang berpengkalan di Amerika Syarikat (AS) kini telah memilih Pulau Pinang bagi menubuhkan sebuah Pusat Kecemerlangan Bagi Asia Pasific (APAC Centre of Excellence-APACCOE) di sini.

Pemilihan ini adalah sejajar dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ‘Business Process Outsourcing’ (BPO) serta kesediaan sumber tenaga kerja yang mahir dalam bidang kejuruteraan dan pembuatan.

Ketua Pegawai Eksekutif IHS Inc., Jerre L.Stead dipetik berkata bahawa APACCOE dengan jumlah pelaburan awal USD\$8 juta (RM25.44 juta) akan mula beroperasi pada Disember tahun ini dan menjelang 2015 dijangkakan seramai 1,600 tenaga kerja diperlukan dengan jumlah

Tenaga mahir PP setanding tahap antarabangsa

GEORGE TOWN - Kelembapan ekonomi yang melanda Pulau Pinang sekitar 1960-an telah menyebabkan Kerajaan Negeri pimpinan mendieng Tun Dr. Lim Chong Eu mengambil langkah-langkah afirmatif dalam mempergiatkan sektor perindustrian dan menjadikan Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri yang berorientasikan perindustrian eksport dengan eunikan yang tersendiri.

Kini di bawah pimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Pulau Pinang bukan sahaja mampu melonjakkan diri dalam industri pembuatan malah mampu berbangga dengan perkembangan eko-pelancongan yang menjadikan sektor pelancongan negeri sebagai salah satu sumber pendapatan negeri.

Terbaru dalam Seminar Pelaburan Pulau Pinang (Penang Investment Seminar), Guan Eng berkata bahawa Kerajaan Negeri telah merangka pelan jangka panjang yang mempunyai aset secara kolektif bernilai RM300 bilion, bagi sektor eko-pelancongan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri.

Beliau berkata, Pulau Pinang muah mengekalkan kelebihan dalam industri pembuatan dan memperkasakan sektor perkhidmatan, supaya keunikan sektor pelancongan boleh menjadi faktor penyumbang kepada lebih daripada 50% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK)

pelaburan dijangkakan bernilai USD\$50 juta.

“Pusat kecemerlangan (terletak di Jalan Sultan Ahmad Shah) akan menjadi pusat IHS terbesar di dunia dan akan dianggotai serta dikendalikan oleh anak watan. Bagi kami, ia sentiasa anak watan seperti yang saya percaya ia adalah satu-satunya cara untuk mencapai kejayaan,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata kemasukan IHS ke Pulau Pinang akan membantu kerajaan mencapai matlamat untuk menjadi



PULAU Pinang bakal dibangunkan sebagai sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa dan bandaraya pintar di Malaysia.

menjelang 2020.

Tambah beliau lagi, Pulau Pinang bukan sahaja bakal melalui transformasi menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan juga sebuah bandaraya pintar, malah, Pulau Pinang juga bakal mempergiatkan tujuh kelebihan yang terdapat di negeri ini antaranya kestabilan dan polisi anti rasuah diamalkan Kerajaan Negeri ternyata berjaya menambat kehadiran pelabur ke negeri ini.

“Pulau Pinang mampu menjadi hab bagi perindustrian berteknologi tinggi yang ekonominya turut didorong oleh sektor pelancongan,” ujar Guan Eng dalam ucaptama di Seminar Perlaburan Pulau Pinang di Rasa Sayang Resort & Spa, di sini.

Seminar yang dianjurkan oleh ECM Libra turut mendapat penyertaan dari China Merchant Group, Oclaner Asset Management (M) Sdn. Bhd dan Religare Capital Markets Corporate Finance (M) Ltd.

Dalam pada itu, Pengurus Eksekutif ECM Libra, Datuk Seri Kalimullah Hassan berkata bahawa kecenderungan pelabur memilih Pulau Pinang adalah tinggi kerana kepakaran tenaga kerja yang ditawarkan setanding tahap antarabangsa.

Malah beliau berkata bahawa Pulau Pinang kini telah mencapai tahap pertumbuhan ekonomi dan pelaburan yang membanggakan.

KETUA MENTERI (tiga dari kiri), Loo Lee Lian (kiri sekali) dan Lee Kah Choon (dua dari kiri) mengadakan perbincangan bersama pucuk pimpinan IHS Incorporated ketika Majlis Pengumuman Penubuhan APACCOE di sini baru-baru ini.



bandaraya pintar dan bertaraf antarabangsa.

Syarikat tersebut merupakan salah satu penyumbang sumber dalam teknologi maklumat dan pembekal kepada pelbagai industri termasuk industri tenaga dan janakuasa, minyak dan gas, pertahanan, keselamatan, alam sekitar serta turut disenaraikan di Bursa Saham New York pada tahun 2005.

IHS telahpun memulakan operasinya sejak tahun 1959 dan beribupejabat di Englewood,

Colorado, Amerika Syarikat serta mempunyai lebih daripada 5,000 pekerja di lebih daripada 30 buah negara. IHS merupakan salah sebuah syarikat yang sedang berkembang pesat.

Turut hadir ialah Naib Presiden IHS Asia Pasifik, Paul McAvoy; Ketua Pegawai Kewangan IHS Asia Pasifik, Richard Walker, dan Pengarah Eksekutif Invest-Penang, Datuk Lee Kah Choon serta Pengurus Besar Invest Penang, Loo Lee Lian.

Boon Siew Honda tambah pelaburan RM200 juta

GEORGE TOWN - Pengedar tunggal motorsikal HONDA di negara ini, Boon Siew Honda Sdn. Bhd. (BSH) akan meningkatkan penambahan pelaburannya di Pulau Pinang sebanyak RM200 juta dengan merangkumi pengukuhan operasi baru di Kawasan Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai.

Dalam pada itu, pelan pembangunan merangkumi kawasan seluas 23.3 hektar juga bakal menyediakan 100 peluang pekerjaan baru kepada rakyat tempatan bagi melengkapkan 1,000 pekerja sedia ada di mana 85% daripadanya merupakan pekerja di sektor pengeluaran.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Boon Siew Honda, Satoshi Okada berkata, kilang baru tersebut akan dibina dengan menggunakan teknologi tinggi serta mesra alam dalam meneruskan usaha memberikan produk yang berkualiti kepada pelanggan. Selain itu, semua produk BSH adalah menggunakan lebih 70 peratus sumber tempatan.

“Pembinaan projek ini akan bermula pada November 2011 dan operasi untuk perkilangan akan dijalankan pada bulan Februari 2013,” katanya pada sidang akbar bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng lazimnya memuji Boon Siew Honda ekoran memiliki strategi pengurusan

sumber manusia yang sangat baik yang mana syarikat terbabit dapat menarik serta mengekalkan tenaga kerja tempatan walaupun secara mutlaknya ia bersifat buruh industri.

“Hari ini, Boon Siew Honda menguasai 45% daripada pasaran motosikal Malaysia dengan pengeluaran 250,000 unit motosikal pelbagai model setiap tahun. Syarikat ini dijangka menghasilkan kira-kira 350,000 unit motosikal lagi sebaik sahaja lokasi barunya beroperasi.

“Pelaburan RM200 juta ini hanya bakal merapatkan lagi hubungan yang terjalin sekian lama antara Boon Siew dan Honda. Di samping itu, kita juga berharap agar dapat menarik lebih ramai pelabur Jepun dalam bidang automasi dan kejuruteraan kimia, elektrikal dan elektronik serta tenaga yang boleh diperbaharui,” jelas beliau sambil turut berkongsi pengalaman bahawa beliau suatu ketika dulu juga merupakan salah seorang pengguna motor keluaran Boon Siew Honda iaitu Honda Cub.



PELAN Kilang baru yang akan didirikan di Kawasan Perindustrian Batu Kawan.

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PENANTI YB Tuan Mansor Othman mansor@penang.gov.my	(T) 04 - 522 1463 (F) 04 - 522 1463
PERAI YB Tuan Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 650 5134 (F) 04 - 261 8715
PADANG KOTA YB Tuan Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 228 8514
BATU MAUNG YB Tuan Abdul Malik Abul Kassim abdmalik@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAI YB Tuan Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Tuan Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Tuan Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 (F) 04 - 261 8745
BUKIT TAMBUN YB Tuan Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Tuan Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Puan Ong Kok Fooi ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 537 8476 (F) 04 - 537 8476
DATO' KERAMAT YB Tuan Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
PANTAI JEREJAK YB Tuan Sim Tze Tzin simtzetzin@penang.gov.my	(T) 019 - 443 2088 (F) 04 - 641 3088
MACHANG BUBOK YB Tuan Tan Hock Leong hitian@penang.gov.my	(T) 04 - 552 1366 (F) 04 - 552 1366
TANJONG BUNGAH YB Tuan Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 017 - 472 9990 (F) 04 - 228 8514
JAWI YB Tuan Tan Beng Huat tanbenghuat2000@yahoo.com	(T) 04 - 598 1877 (F) 04 - 598 1877
PENGKALAN KOTA YB Tuan Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 (F) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tuan Tanaseharan a/l Autherfordy atana@first.net.my	(T) 04 - 538 1162 (F) 04 - 537 1163
KEBUN BUNGA YB Tuan Ong Khan Lee jason_olk@yahoo.com	(T) 04 - 818 2008 (F) 04 - 818 2008
SUNGAI BAKAP YB Tuan Hj. Maktar Hj. Shapee adun.dunsbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Tuan Ng Wei Aik ngweiaik@penang.gov.my; nweiaik@gmail.com	(T) 04 - 227 0215 (F) 04 - 227 8215
PADANG LALANG YB Tuan Tan Cheong Heng michael@dappenang.com.my	(T) 04 - 502 5071 (F) 04 - 508 9711
PAYA TERUBONG YB Tuan Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 229 2105 (F) 04 - 226 2550
PULAU TIKUS YB Tuan Koay Teng Hai koaytenghai@gmail.com	(T) 04 - 226 3227 (F) 04 - 226 3227
PERMATANG PASIR YB Tuan Hj. Salleh Man adunptpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Tuan Ong Chin Wen prkbttengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
SUNGAI PINANG YB Tuan Koid Teng Guan tgkoid@gmail.com	(T) 010 - 464 3308 (F) 04 - 282 8322
BATU UBAN YB Tuan Raveentharan a/l Subramaniam raveenkeadilan@gmail.com	(T) 04 - 659 6007 (F) 04 - 658 6007 (F) 04 - 2628188
SERI DELIMA YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 227 1397 (F) 04 - 227 7068 (F) 04 - 228 8514

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Dato' Haji Azhar Ibrahim	(T) 04 - 310 3100 (F) 04 - 323 8017
BERTAM YB Puan Hajah Zabariah Wahab	(T) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Dato' Haji Roslan Saidin	
PERMATANG BERANGAN YB Tuan Haji Shabudin Yahya	(T) 04 - 573 4630 (F) 04 - 570 1997
SUNGAI DUA YB Dato' Haji Jasmin Mohamed	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Dato' Hjh. Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 3675 (F) 04 - 351 4389
SEBERANG JAYA YB Datuk Arif Shah Haji Omar Shah arif@arifshah.com	(T) 04 - 398 0185
SUNGAI ACHEH YB Dato' Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Tuan Syed Amerruddin Dato' Syed Ahmad	
PULAU BETONG YB Tuan Sr. Haji Muhamad Farid Saad	
TELUK BAHANG YB Dato' Seri Dr. Haji Hilmi Hj Yahya	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA Hj Rosidi Bin Hussain albertami@yahoo.com	(T) 04 - 575 6577 (F) 04 - 575 8578 (F) 04 - 575 8578
BERTAM Asrol Sani Bin Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	(T) 013 - 580 6981
PINANG TUNGGAL Adnan Bin Abdul Rahman adnankulim@gmail.com	(T) 019 - 421 5952
PERMATANG BERANGAN Arshad Bin Md Salleh arshad.salleh@yahoo.com	(T) 019 - 510 2633
SUNGAI DUA Mohd. Fahmi Abd. Wahab krisoft.engineer@yahoo.com	(T) 04 - 575 1085 (F) 04 - 575 1085
TELOK AIR TAWAR Salehin Mohamed pjd_403@gmail.com	(T) 017-427 1581
SEBERANG JAYA Abdul Jalil Che Ros abjiteghu@gmail.com	(T) 04 - 538 1460 (F) 013 - 489 3227 (F) 04 - 538 1460
SUNGAI ACHEH Hj Mohd Kamil Bin Abu Bakar hjwaday@yahoo.com	(T) 012 - 4735774
BAYAN LEPAS Asnah Binti Hashim asnah_45@streamyx.com	(T) 019 - 472 6956
PULAU BETONG Hj Mohd Tuah Bin Ismail tuhismail@yahoo.com	(T) 019 - 570 9500
TELUK BAHANG Mohamad Shawal Ahmed shawal_mz@yahoo.com	(T) 04 - 644 7004 (F) 012 - 424 9004

Amalan 8S
semasa berurusan dengan pelanggan

- SALAM ✓
- SAYANG ✓
- I SEGAK ✓
- SEGERA ✓
- SEMPURNA ✓
- SENSITIF ✓
- SENyum ✓
- SOPAN ✓

Pembayaran Bagi ...

- Cukai Tanah
- Pinjaman Penuntut
- Cukai Taksiran MPPP
- Cukai Taksiran MPSP

JPS CARELINE
1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1-300-80-1010

GOVPG@15888
Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

sila klik untuk maklumat lanjut

Permuhan, Semakan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)

<http://perumah.penang.gov.my>

i-Sejahtera
<http://sejahtera.penang.gov.my>

NOTIS PEMBERITAHUAN

MULAI 1 JULAI 2011, PEMBAYARAN UNTUK SEMUA URUSAN TANAH DENGAN MENGGUNAKAN CEK ADALAH TIDAK DIBENARKAN KECUALI UNTUK BAYARAN CUKAI TANAH SAHAJA

Notis Pemberitahuan - Tidak Memberikan Pengurusan Cek Untuk Bayaran Urus Tanah Kuncul Cukai Taruh

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam	
POLIS & AMBULANS	999
BOMBA	994
DIREKTORI TELEFON	103
OPERATOR ANTARABANGSA	101
PENYELAMAT	991
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957
KASTAM	04-262 2300
IMIGRESEN	04-250 3419
INFORMASI PENERANGAN WWC	04-643 0373
EPF	04-228 0342
SOCSCO	04-397 1058
	04-226 1000
	04-238 9888
PUSAT INFO PELANCONGAN KERETAPI BUKIT BENDERA FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-261 4461 04-828 8880 04-210 2363 04-310 2377
JAMBATAN PP STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-398 7419 04-261 0290
PERSATUAN PERUNDUNGAN KANAK-KANAK CAP	04-829 4046 04-226 5536 04-229 8555
JABATAN BURUH PERPUSTAKAAN PP	04-226 5536 04-229 8555

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN	
N1 Penaga	: 019 - 470 4800 - Rosidi Hussain
N2 Bertam	: 013 - 580 6981 - Asrol Sani
N3 Pinang Tunggal	: 019 - 421 5952 - Adnan
N4 Permatang Berangan:	: 019 - 510 2633 - Arsyad Md. Salleh
N5 Sungai Dua	: 019 - 477 6740 - Md. Fahmi Abd. Wahab
N6 Telok Air Tawar	: 017 - 427 1581 - Salehin Mohamed
N7 Sungai Puyu	: 012 - 528 8411 - Ng Ya Ling
N8 Bagan Jermal	: 013 - 449 0366 - Yeap Choon Keong
N9 Bagan Dalam	: 016 - 473 1963 - Gesan
N10 Seberang Jaya	: 013 - 489 3227 - Abdul Jalil Che Ros
N11 Permatang Pasir	: 019 - 412 8442 - Kamal
N12 Penanti	: 04 - 522 1463 - Suhaimi Bin Mansor
N13 Berapit	: 019 - 481 7823 - Ong Kee Seong
N14 Machang Bubuk:	: 019 - 546 3257 - Rynu
N15 Padang Lalang	: 04 - 502 5071 - Ooi Zhen Chee
N16 Perai	: 012 - 412 8451 - Mohd. Yusof Sahabudin
N17 Bukit Tengah	: 016 - 469 5343 - Amizuddin
N18 Bukit Tambun	: 016 - 442 0820 - Ong Eu Leong
N19 Jawi	: 017 - 408 4784 - Abdul Halim Yunus
N20 Sungai Bakap	: 012 - 415 2905 - Munir Bin Makhtar



AKSI Ketua Menteri dan Perdana Menteri Malaysia dalam Program Kayuhan Amal di Straits Quay baru-baru ini.



AHLI-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menunjukkan longgokan banting dan sepaduk haram yang diturunkan dalam operasi yang diadakan di sini.



PENGURUSI Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng (tengah) bergambar kenang-kenangan bersama YDP MPPP, Ar. Patahiyah Ismail (kiri sekali) dan YDP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif pada Majlis Pelancaran Sistem Online Unit Pusat Setempat (OSC) di Kompleks MPSP, Bandar Perda baru-baru ini.

PARA kakitangan ICT Mall Komtar berkerjasama menyiapkan kolam sempena sambutan



KETUA Menteri menyampaikan kunci rumah kepada salah seorang penduduk Kampung Buah Pala pada Majlis Penyerahan Kunci di sini.



SEORANG ibu yang amalan penyusuan suami beliau berga kenangan pada Ma Minggu Penyusuan S 2011 Peringkat Nege baru-baru ini.



YANG DiPertua (YDP) Seberang Perai, Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) menyampaikan replika cek eluan tambahan khas RM150 kepada wakil Pasukan Penguatkuasa MPSP sambil disaksikan Ketua Menteri dan Ketua Setiausaha Negeri, Datuk Farizan Darus (kanan sekali) pada majlis penyampaian yang diadakan di sini baru-baru ini.

TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (kanan sekali) menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada anak-anak negeri yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara.



SEORANG ibu tunggal yang menerima wang sumbangan RM100 bersalaman dengan Ketua Menteri di Majlis Penyampaian Sumbangan Ibu Tunggal dan Orang Kelainan Upaya (OKU) di sini baru-baru ini.



an Deepavali.



KETUA Menteri (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Menteri I (duduk) bergambar kenangan bersama para pengunjung Majlis Rumah Terbuka Deepavali Anjuran Ketua Menteri dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Plaza Times Square.

mempraktikkan ibu bersama umbar kenang-jilis Sambutan usu ibu Sedunia ri Pulau Pinang

PENGURUSI Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi (tengah) menunjukkan cek penajaan dua atlit judo ke kejohanan Sukan SEA Jakarta oleh Kolej Epsom.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2011-31 DIS. 2011)**

Nama	Telephone
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Oon Neow Aun (DAP) naoon@mpsp.gov.my	016-46 57 498
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shteow@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) (Perlantikan Baru) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
En. Ramachandran a/l M. Muthiah (DAP) ramachandaran@mpsp.gov.my	012-412 84 51
Puan Tan Cheai Peng (DAP) cptan@mpsp.gov.my	012-48 68 092
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) (Perlantikan Baru) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) (Perlantikan Baru) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) (Perlantikan Baru) bahktiarappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) (Perlantikan Baru) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04-5211987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) (Perlantikan Baru) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019-40 84 899
En. Lim Tau Hoong (NGO) (Perlantikan Baru) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) (Perlantikan Baru) lttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Zulkiefly bin Saad (NGO) (Perlantikan Baru) zulkiefly@mpsp.gov.my	013-43 62 848 04-538 6848 (Fax)
En. Loh Joo Huat (DAP) (Perlantikan Baru) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) (Perlantikan Baru) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) (Perlantikan Baru) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman (PAS) (Perlantikan Baru) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2011-31 DIS. 2011)**

Nama	Telephone
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012-48 30 878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012-428 22 50
Tay Leong Seng (DAP)	019-321 93 92
Lim Siew Khim (DAP)	016-531 60 26
Lim Cheng Hoe (DAP)	016-43 84 809
Tan Hun Wooi (DAP)	012-488 04 09
En. Ong Ah Teong (DAP)	012-4106566
Ooi Keat Hin (PKR)	016-41 71 331
Francis a/l Joseph (PKR)	012-47433 21
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016-4222142
En. Lim Boo Chang (PKR)	04-2291579 (Tel) 04-2291578 (Fax)
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04-6577464 (Tel) 012-4728114
Encik Iszurree Bin Ibrahim (PAS)	016-4433205 019-4507890
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012-4726725
Encik Teh Lai Heng (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4459808
Encik Gooi Seong Kin (DAP) (Perlantikan Baru)	016-4571271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP) (Perlantikan Baru)	012-4122558
Encik Tan Seng Keat (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4386191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) (Perlantikan Baru)	019-4560077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR) (Perlantikan Baru)	013-4320207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR) (Perlantikan Baru)	012-4380873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4635959
Dr. Lim Mah Hui (NGO) (Perlantikan Baru)	012-4221880
Encik Sin Kok Siang (NGO) (Perlantikan Baru)	016-4222255

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

YAP LEE YING
ZULIANA AZIZ
NORSHAHIDA YUSOFF
AINUL WARDAH
MOHD HAFIZ

Jurugambar:

CHAN LILIAN
AHMAD FARHAN

LAW SUUN TING
ZAINULFAQAR

sertai kami melalui "**sms blast**", taip "**ADD ME**"

019 357 9726,
Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375

sertai kami melalui "**emel blast**"
unitkomunikasi@pejabatkpm@gmail.com
pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: suaracat@gmail.com

29 August 2011

Dear YAB Lim Guan Eng
Chief Minister of Penang,

When the MASMO (Malaysian Asian Schools Math Olympiad) results and the National Physics Olympiad 2011 results were announced our school was so happy with the good news of the students' excellent performance. The boys present at today's Award Presentation Ceremony will remember this day for the rest of their lives.

Thank you for the recognition. We appreciate it very much.

(Pedit in terra, ad sisera visus!*)

Sir, your team and you are doing an excellent job governing Penang.

I pray daily for you, YB Betty, Rachel, Club, Marcus and Ethan. I ask God for a spirit of Excellence, and that whatever you and your family put your hands to, will prosper, in favour with God and men.

When you happen to be in the vicinity of Island Park, Greenlane, do visit our school. God bless ya!

Yours truly,
Yap Lee Ying
(&ED)

From: Thanda

Date: 09/17/2011 01:46PM

Subject: Hi Sir - keep it up

Hello Sir,

I'm very much impressed with what you have done for Penang past few years. I'm very much aware that you have gone through many many tough times in your life, and maybe or maybe not you might even have considered giving up on your political agenda.

But you are a real tough guy Sir. You are one of the very few role models for us.

I wish, many Penangites wish that, you continue to perform just like what you are doing right now Sir, we need you. Really appreciate what you have turned Penang into right now.

And nobody else, except you can lead us.

Thanks

Rgds....Thanda

From: TS

Date: 09/10/2011 11:35PM

Subject: Keep up the good work

We are proud of your contribution to Penang. Keep it up. Thank you

Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2011


13hb November
Penang Open Angling Competition
Teluk Bahang



20hb November • **Penang Bridge International Marathon**
Queensbay & Penang Bridge



26hb November
18th Penang International Open Ballroom Dancing Competition
Bayview Beach Resort, Penang



27hb November
Penang Line Dance Carnival
D'Piazza Event Hall, Bayan Baru



27hb November
Penang Beach Carnival
Golden Sands Beach Resort Hotel

845kg sampah sempena Program Pembersihan Pantai Kuala Sungai Muda

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

PENAGA – Sejumlah 845 kilogram (kg) sampah sarap dan bahan-bahan buangan berjaya dipungut bersempena pengajuran Program Pembersihan Pantai Zon Kuala Sungai Muda yang mendapat sambutan lebih daripada 650 penyertaan pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) di sini baru-baru ini.

Antara bahan buangan yang berjaya dikutip dalam tempoh kira-kira dua jam pengajuran program berkenaan termasuk pukat rosak, topi keledar, botol-botol minuman dan pelbagai lagi siswa buangan bukan organik.

Pengerusi Jawatankuasa Pembersihan Pantai Sedunia, Koay Teng Hai berkata adalah penting bagi mempertingkatkan tahap kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat terutama masyarakat setempat. Ini kerana, komitmen individu akan menentukan kempen-kempen dan polisi Kerajaan Negeri berkaitan alam sekitar dan pemuliharaannya berjaya atau tidak.

“Program Pembersihan Pantai telahpun memasuki tahun kedua dan saban tahun penyertaannya meningkat sejak dengan meningkatnya tahap kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan pantai kita.

“Malah Program Pembersihan Pantai Zon Kuala Sungai Muda merupakan salah satu inisiatif yang berbentuk ‘non-structural measures’ yang tidak boleh dibina sebaliknya komitmen dari semua pihak yang hadir menjadi tunjang dalam menjayakan misi pembersihan pantai di Pulau Pinang,” katanya dalam ucapan perasmian di sini baru-baru ini.

Selain jabatan-jabatan kerajaan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), program tersebut turut mendapat pembabitan dari syarikat-syarikat korporat seperti Canon (M) Sdn. Bhd., AEON Cares, Sony (M) Sdn. Bhd., Universiti Sains Malaysia (USM), sekolah-sekolah dan orang perseorangan.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow.

Kon Yeow menegaskan bahawa tahap kesedaran menjadi tunjang utama dalam memastikan pantai di Pulau Pinang sentiasa dalam keadaan bersih dan indah.

“Kerajaan Negeri sedar betapa perlunya pemuliharaan pantai dan persekitarannya bagi menjaga kelestarian (*sustainability*) kepelbagaian ekologi hutan serta menggalakkan sektor eko-pelancongan negeri”, ujar beliau.



CHOW Kon Yeow (tiga dari kiri) dan **Koay Teng Hai** (dua dari kiri) berkerjasama mengeluarkan pukat nelayan yang rosak dari timbunan pasir pantai pada Program Pembersihan Pantai Zon Kuala Sungai Muda di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir menjayakan Program Pembersihan Pantai Zon Kuala Sungai Muda.

*Gambar ehsan Abdul Rahman.

Program Kitar Semula Tadika dapat sambutan positif

SEBERANG PERAI – Program Kitar Semula Tadika yang mendekati kanak-kanak pra-sekolah berhubung amalan kitar semula memperoleh respon positif daripada pihak-pihak berkenaan yang inginkan pendedahan sedemikian didekahkan pada peringkat awal kepada generasi muda kini.

Sehingga kini, sebanyak lima hingga 10 buah tadika telah bersetuju menyertai program berkenaan yang bertujuan mendidik dan mengasuh kanak-kanak pada peringkat awal bagi mewujudkan perasaan cintai dunia dengan amalan kitar semula dan mengurangkan sisa pembuangan sampah di dalam kehidupan seharian.

Menurut Ahli Majlis Majlis

MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah), **Soon Lip Chee** (dua dari kiri) dan ikon program menunjukkan tanda bagus pada Majlis Pelancaran Program Kitar Semula Tadika di sini baru-baru ini.



Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merangkap Pengerusi LA21, Soon Lip Chee, pendekatan sedari pra-sekolah amat penting dan harus diterapkan agar kanak-kanak dapat diasuh sejak kecil untuk mengamalkan kitar semula dan mengurangkan sisa pembuangan sampah.

“Dasar Kerajaan Negeri ke

arah ‘Cleaner, Greener Penang’ seharusnya tidak sekadar menjadi slogan semata-mata tetapi seharusnya seluruh warga penduduk Pulau Pinang tidak mengira usia mengamalkan nilai murni untuk cintakan alam sekitar.” ujarnya di sini baru-baru ini.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, telah merasmikan Program Kitar Semula Tadika bertempat di Auditorium MPSP baru-baru ini. Program di bawah Jawatankuasa LA21 ini dijalankan dengan kerjasama di antara MPSP dan Green City Technology Sdn. Bhd..

Pada 2009, program seperti ini telah dijalankan di sekolah rendah sekitar Seberang Perai dengan menggunakan pendekatan ‘buku bank kitar semula’ berkONSEP tukar dan tebus.

Sambutan yang menggalakkan mendorong MPSP kini sekali lagi mengambil inisiatif mendekati bidang pendidikan pra-sekolah ke arah kitar semula.



PHEE Boon Poh menunjukkan bekas polisterin mudah reput yang tidak disokong penggunaannya di Pulau Pinang.

PP tolak polisterin mudah reput

GEORGE TOWN – Kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau akan terus dilaksanakan dengan tidak menggunakan polisterin mudah reput atau “*biodegradable*” di negeri berkenaan.

Demikian nasihat Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh kepada semua penjaja sebagai menyambut kempen gaya hidup sihat serta memelihara alam sekitar.

Beliau berkata demikian ekoran laporan daripada pengguna bahawa terdapat pe-

niaga yang memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri membenarkan produk berkenaan digunakan sebelum ini.

“Kerajaan Negeri tidak pernah sama sekali menyokong produk polisterin mudah reput ini digunakan.

“Kita (Kerajaan Negeri) menggalakkan masyarakat cintakan alam sekitar melalui Pulau Pinang Bersih dan Hijau. Penggunaan produk polisterin tidak boleh dikitar semula dan mampu menyebabkan banjir kilat serta Demam Denggi,” katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.



KETUA MENTERI bersama keluarga beliau bergambar kenang-kenangan bersama kanak-kanak yang membuat persembahan Hari Kanak-kanak Sedunia di sini baru-baru ini.

TINTA PENGARANG

Bajet 2012: Kepentingan agenda & kroni

KERAJAAN merupakan sebuah kesepakatan rakyat sesebuah negeri mahupun negara dalam memberi kepercayaan untuk mentadbir, mengurus serta menjaga kebijakan rakyat dibawah naungannya. Fakta ini perlu ada di minda setiap pemimpin agar tidak lari dari paksi dan objektif sebenar agenda memperkasakan rakyat.

Mungkin perkara ini dianggap remeh kerana pasti ada yang akan berkata, "AKU TAHU LAH!". Bagi yang tahu teruslah mengambil tahu kerana anda perlu tahu mengenainya. Namun, bagi yang tidak ambil tahu ataupun tidak endah maka ia menjadi suatu kerugian yang bakal memakan dirinya kembali. Akibat daripada sikap ini, maka bermula-lah episod salah menyalah, tuduh menuduh serta hentam menghentam terhadap sesebuah kerajaan tanpa usul dan pangkalnya.

Sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab, kita patut peka kepada setiap rangkaan ataupun usaha membangunkan sesebuah negeri mahupun institusi masyarakat oleh kerajaan yang dilantik. Bajet 2012 yang telah dibentang oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia haruslah dihadam oleh setiap rakyat demi pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih sejahtera. Namun, pembentangan bajet kali ini ibarat membawa sebuah mesej yang terselindung. Kedai mamak mahupun warung kopi senada dan seirama menyatakan Bajet 2012 ini merupakan insentif atau hadiah sebelum pilihanraya bermula.

Situasi sebegini boleh diibaratkan seperti seorang bakal pengantin yang kini berdarah manis sebelum tiba hari disandingkan. Segalanya diatur rapi demi memastikan kelancaran "acara" kemuncak bermula. Adalah mustahil mengubah rutin manusia yang sentiasa menyelit kepentingan peribadi dalam tempoh 24 jam. Jika dilanjutkan tempoh sekalipun, si gagak tidak akan lupa bangkainya. Suatu gimik cuba dipentaskan demi mendukung amalan demokrasi kononnya yang cuba disanjung. Elaun ahli parliment cuba dinaikkan sempena pengisytiharan bajet demi memastikan kelancaran usaha terus memperkasakan disamping memperkoska rakyat.

Cadangan yang menuntut persetujuan semua ahli ini secara tiba-tiba ditarik balik oleh Pak Najib kita akibat ditentang Pakatan Rakyat. Ibarat kehabisan modal dan tiada lagi komisen projek-projek yang menjadi juadah perut-perut pemimpin UMNO dan seangkatan dengannya. Tindakan Pak Najib boleh dianggap bijak sebelum terburai perut anak-anak ikannya dicungkil Pakatan Rakyat. Elaun nak lebih, tapi habuk pun tarak! Biarlah rakyat nilai sendiri, mungkin ada juga yang ikhlas berkhidmat demi rakyat dan mungkin ikhlas juga nak "kaut" duit rakyat.

Maka bersedia lah rakyat Malaysia, episod politik UMNO semakin hangat dan rancak dipentaskan di "pentas utama" yang berdekatan kediaman anda. Walaupun begitu, rakyat Malaysia kini bijak menilai dalam memilih "pelakon utama" dalam setiap babak yang direncanakan. Terkini, LGE disaman RM30juta, kerana menuduh UMNO pencetus demonstrasi jalanan haram di Pulau Pinang pada Julai lepas. Mungkin mereka lupa abang besar UMNO, Ezam turut berdemonstrasi dan menjadi tumpuan media pada waktu itu. Tindakan meludah ke langit ini pastinya menjanjikan babak menjengkelkan untuk kita lihat. Sama-sama kita nantikan kejutan dan amukan UMNO seumpama kehilangan bini kali ini.

Putera Pulau

GEORGE TOWN – Hari Kanak-kanak Sedunia yang disambut setiap tahun pada mana-mana hari Sabtu dalam bulan Oktober adalah satu acara penghormatan dan pengiktirafan oleh pihak kerajaan dan masyarakat kepada generasi kanak-kanak.

Acara sambutan ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat keseluruhan akan peranan dan tanggungjawab untuk memelihara

hak serta masa depan kanak-kanak di Malaysia.

Bersempena dengan sambutan tersebut, satu konsert serta penyampaian 'ijazah' kepada kanak-kanak tadika telah diadakan di Dewan Sri Pinang, di sini, baru-baru ini.

'Melody Kindergarten Graduation Concert' diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama isteri, Betty Chew serta anak

bongsu pasangan terbabit.

Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai acara pentas termasuk lakonan ringkas, nyanyian, tarian serta video klip mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di 'Melody Kindergarten' sepanjang tahun ini.

Dalam pada itu, kanak-kanak serta ibu bapa turut teruja apabila Guan Eng menyampaikan cenderahati berupa beg kitar semula kepada mereka semua.

Pelihara hak kanak-kanak demi masa depan negara

PP mesra ibu menyusu

TANJUNG BUNGAH – Premis bangunan kerajaan, tempat-tempat awam, pusat membeli belah dan hospital disaran mewujudkan sebuah pusat khas penyusuan susu ibu atau 'breastfeeding center' dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri mesra berhubung inisiatif berkenaan.

Menyahut seruan tersebut, sebuah pusat penyusuan susu ibu (bilik laktasi) yang mana bakal memberi kemudahan kepada para penjawat awam mengepam susu akan disediakan di bangunan Komtar dalam tempoh terdekat.

Presiden Pertubuhan Wanita Mutiara Pulau Pinang, Betty Chew berkata, bapa juga boleh memainkan peranan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri mesra penyusuan susu ibu dengan memberi galakan berterusan kepada isteri-isteri mereka.

"Sebagai seorang ibu yang bekerja sepenuh masa, saya bersyukur kerana mampu memberikan yang terbaik kepada empat anak saya. Saya berasa seperti seorang wanita moden sempurna," katanya pada Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2011 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Sementelahan dalam pro-



BETTY Chew (tiga dari kanan) membelai seorang bayi pada Majlis Sambutan Minggu Penyusuan Ibu Sedunia 2011 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

gram tersebut juga pelbagai aktiviti turut dijalankan antaranya penyusuan beramai-ramai oleh pasangan ibu dan bayi selama 1 minit, kuiz penyusuan susu ibu, pertandingan bayi cergas dan cerdas, pertandingan bapa dan anak serta pelbagai lagi aktiviti interaktif yang bertujuan merapatkan hubungan kekeluargaan antara ibu, bapa dan bayi.

Program yang turut dihadiri pengasas "World Alliance for Breastfeeding Action" (WABA), Dr. Anwar Faisal Sebastian turut membabitkan penglibatan 280 hospital di Malaysia dan 484 ibu telah mengambil bahagian dalam penyusuan beramai-ramai selama 1 minit yang bermula jam 4.00 petang. Bertemakan "Talk to Me! Breastfeeding – a 3D Experience", sambutan minggu penyusuan susu ibu sedunia disambut pada minggu pertama bulan Ogos setiap tahun.

Tujuan Minggu Penyusuan Susu Ibu adalah untuk memaklumkan kepada orang awam di serata tempat bahawa perlindungan, promosi dan sokongan penyusuan susu ibu adalah hak ibu, hak bayi dan hak asasi manusia yang perlu didokong. Malah program tersebut juga memberi penekanan tentang pentingnya susu ibu kepada bayi kerana susu ibu merupakan pemakanan asas bagi bayi dan pemakanan yang paling optimum bagi bayi.

Keunikan MKK tarikan dunia

Oleh: YAP LEE YING
Gambar: LAW SUUN TING

PENGARUH arkitektual Moorish yang memperlihatkan senibina menyerupai Istana Taj Mahal merupakan tarikan utama Masjid Kapitan Keling (MKK) yang tersergam indah di Lebuh Pitt atau Jalan Kapitan Keling, Pulau Pinang.

Merupakan masjid tertua di bandar George Town, sejak tahun 1995, pintu MKK sentiasa terbuka untuk lawatan pengunjung dari dalam dan luar, tanpa mengira seseorang itu penganut agama Islam ataupun sebaliknya.

Menurut fakta sejarah, MKK dibina oleh tentera Syarikat India Timur apabila mereka tiba di Pulau Pinang pada akhir abad ke – 18. Memandangkan penduduk India Muslim di Pulau Pinang ketika itu kian bertambah, sebuah masjid adalah diperlukan.

Justeru, seorang ketua kaum India Muslim, Cauder Mohudeen yang dikenali sebagai Kapitan Kling telah memohon tanah untuk pembinaan masjid yang baru. Pembinaan masjid tersebut dimulakan pada November 1801 setelah pihak berkenaan berjaya memperoleh tanah yang diperlukan.

Selepas kematian Cauder pada 1834, tanah asal tidak lagi diiktiraf sebagai sebahagian daripada pemberian asal, malah, jalan-jalan awam dan rumah-rumah di sekeliling masjid telah dibina dan mengurangkan keluasan tanah masjid kepada hanya lapan ekar pada tahun 1903.

Umumnya, masjid yang ada kini telah dibina pada 1916 bagi menggantikan bangunan yang lama.

Menurut Ketua Biro Dakwah MMK, Kamarudin Abdullah, selain keunikan senibina, sesiapa sahaja boleh memasuki MKK untuk tujuan lawatan. Apa yang



KAMARUDIN Abdullah.

penting adalah seseorang itu perlu berpakaian sopan. Walau bagaimanapun, bagi kemudahan pelancong luar negara khususnya, pihak masjid menyediakan skaf dan kain untuk para pelancong yang memerlukan nya.

“Malah, bagi memberi gambaran lebih jelas mengenai MKK dan agama Islam, perkhidmatan pemandu pelancong

UNSUR-UNSUR
dari India yang
mempengaruhi
senibina Masjid
Kapitan Keling.

CORAK unik yang menjadi hiasan dalaman.

turut disediakan pada setiap lawatan tanpa perlu membuat sebarang tempahan awal,” katanya kepada Buletin Mutiara (BM) di sini.

Turut menemani wawancara BM pada hari tersebut adalah Setiusaha MKK, Sirajudeen W.M. Ahmad Varusai dan Pegawai Dakwah, Lokman Madinah.

MASJID Kapitan Keling.



KEINDAHAN senibina dalaman.



TEMPAT mengambil air wuduk.

Tambah Kamarudin, beliau masih mengingati ungkapan seorang pelancong luar negara menyatakan bahawa Pulau Pinang merupakan sebuah lokasi paling tenteram dan aman di dunia.

“Saya amat bersetuju dengan ungkapan tersebut, Contohnya, di atas satu jalan yang sama, selain MKK, turut tersergam adalah gereja, kuil Hinda dan Cina. Inilah nilai keharmonian yang dapat ‘jual’ Pulau Pinang di mata dunia,” jelasnya.

Melihat kepada kubah berbentuk melambangkan

INFO
Dibuka setiap hari kecuali Ahad
Dibuka dari 12 tengah hari – 5 petang



“Jagalah imej Islam di mata manusia,” Mufti Pulau Pinang



HAJI Hassan Ahmad ketika menjawab persoalan BM.

PENDAPATNYA mlarang bacaan al-Quran di udara sebelum masuk waktu subuh cukup kontroversi hatta dimanipulasi oleh pihak tertentu yang dikaitkan dengan pembangkang Pulau Pinang. Buletin Mutiara (BM) berpeluang menemurah Mufti Kerajaan Pulau Pinang, Sohibus Samahah (SS) Dato' Haji Hassan Ahmad mengenai isu yang penuh kontroversi itu. Wartawan Mohd. Hafiz Tajudin ada laporannya.

BM : Kami melihat larangan itu satu tindakan yang luar biasa kerana memberikan satu nasihat yang berlainan dengan cara pemikiran yang konservatif (cara lama). Mengapa Dato' menyuarakan fatwa tersebut?

Dato' : Apa yang kami (Jabatan Mufti Pulau Pinang) lakukan bukanlah mengeluarkan fatwa. Ia adalah satu nasihat hukum. Nasihat hukum dan fatwa adalah dua perkara yang berbeza. Nasihat hukum adalah satu ketetapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti tetapi tidak diwartakan. Manakala fatwa adalah ketetapan yang kemudiannya diwartakan, yang menjadikannya satu hukum yang wajib dipatuhi. Mesyuarat Panel Kajian Syariah (PKS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dianggotai oleh Pakar-pakar Syariah telah menemui kata sepakat dengan mengambil kira keutamaan-keutamaan dan disiplin ilmu fekah bahawa isu larangan bacaan Al-Quran sebelum subuh itu adalah tindakan yang

betul. Perkara ini juga telah disuarakan ‘Darul Ifta’ di Mesir yang turut mlarang bacaan Al-Quran sebelum subuh kerana menghormati penduduk sekeliling yang sedang tidur termasuk anak-anak kecil serta penduduk bukan Islam.

BM : Ada pihak mendakwa, larangan itu gara-gara Dato' menerima desakan pemimpin politik tertentu dalam Kerajaan Negeri. Bolehkah Dato' menjelaskan perkara sebenar.

Dato' : Sesuatu hukum yang dikeluarkan itu tidak dipengaruhi dan didesak oleh mana-mana pihak. Fungsi mufti yang utama adalah untuk menasihati Yang DiPertuan Agong dan Kerajaan Negeri dalam sesuatu isu berkaitan Islam yang timbul dalam masyarakat. Larangan terhadap pembacaan Al-Quran sebelum subuh yang timbul sebelum ini bukanlah satu fatwa menurut Enakmen (atau) isu politik. Tetapi, ia arahan Nabi Muhammad SAW dan juga menjaga Islam yang harmoni.

BM : Bagaimana pula respon daripada masyarakat tentang isu berkenaan?

Dato' : Apa yang saya suarakan bukan sekadar untuk memelihara semula imej Islam sebagai agama yang mudah lagi adil. Islam sangat menghormati hak orang bukan Islam, sebab itu tidak mereka pun tidak wajar diganggu dengan budaya sebegini dalam konteks Pulau

Pinang. Sebab itu, buat masa ini, kami tidak menerima sebarang komen dari masyarakat bukan Islam.

BM : Tadi, Dato' ada berkata mengenai ‘Imej Islam sebagai agama yang mudah lagi adil’. Bolehkah Dato' menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai hal ini?

Dato' : Imej Islam dengan apa cara sekalipun mesti dilihat adil dalam kalangan pengikutnya dan orang bukan Islam. Sebab itu, antara program lain yang kita (Jabatan Mufti Pulau Pinang) laksanakan adalah Perhimpunan Ummah. Perhimpunan ini kita buat secara terbuka kepada masyarakat dan disertai pelbagai latarbelakang agama dan bangsa.

Perasaan saya lebih gembira dan terharu sekarang ini, apabila Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri yang menawarkan diri untuk turut serta dalam majlis berkenaan. Ini membuka ruang untuk masyarakat lebih mendekati Islam terutama yang bukan Islam.

Pengalaman saya dalam perhimpunan yang lalu, saya sendiri melihat Ketua Menteri bersungguh-sungguh mengamati terjemahan yang dipaparkan di skrin ketika qari sedang memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

BM : Kami (Buletin Mutiara) secara peribadi berasa kagum dengan kaedah Dato' membumikan syiar Islam dalam konteks Pulau Pinang. Adakah semua ini ada disiplin ilmu fekah khusus bagi masyarakat di Pulau Pinang baik untuk orang Islam dan bukan Islam?

Dato' : Kita sebenarnya telahpun menyusun program untuk masyarakat umum samada Islam atau bukan Islam. Ia telahpun berlangsung sejak awal tahun lalu sehingga kini dan kebanyakannya kita laksanakan di tempat-tempat umum, tidak hanya di masjid-masjid atau di surau-surau sahaja.

Fiqh Pulau Pinang? Buat masa ini, masih belum ada pihak khusus menyusun semula fiqh ini dalam bentuk tulisan walaupun kita sebenarnya sudah mempunyai amalan fekah tersendiri seperti larangan membaca al-Quran di udara sebelum Subuh.

BM : Apakah harapan Dato' dalam memastikan kebaikan agama Islam terus berkembang?

Dato' : Harapan saya, supaya semua pihak dapat membantu mufti untuk melaksanakan aktiviti ke arah Islam yang maju untuk semua manusia. Jagalah imej Islam di mata manusia.



HAJI Hassan Ahmad (kanan) ketika diwawancara wartawan BM.

Kumpul minyak masak terpakai dapat hadiah

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Inisiatif pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Kwang Hwa, Teoh Tiah Hock, 11, mengumpul minyak masak terpakai di rumah beliau akhirnya membawa hasil apabila dinobatkan pemenang Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Tiong berkata, Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai yang dipromosikan di sekolah-sekolah seluruh Pulau Pinang akan diteruskan bagi mendidik generasi muda masa kini tentang kepentingan kitar semula, pemahaman tentang hidup berkualiti dan ianya merupakan tanggungjawab bersama untuk memastikan bumi yang semakin tandus ini dipelihara sebaik mungkin.

Oleh: ZULIANA AZIZ

BUKIT MERTAJAM –

Kempen Kesedaran Kebersihan yang diadakan di Hutan Lipur Cherok To’Kun anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini merupakan salah satu cara yang digunakan bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang negeri hijau pertama di Malaysia.

Faktor kebersihan yang kurang memuaskan kerana kekurangan tong sampah, pencemaran air dan pembiasaan nyamuk menyebabkan tempat rekreasi ini kerap dikritik oleh orang ramai dan sedikit sebanyak menjaskas imej negeri ini di mata pelancong.

Lantaran itu, MPSP ber-

“Kita amat berterima kasih kepada Syarikat Sustainable Biofuels Malaysia Sdn. Bhd. (SBM) yang berbesar hati menyumbangkan hadiah saguhati kepada setiap pengumpul minyak masak terpakai yang mampu dikitar semula menjadi sumber bio-diesel dan bio-gas.

“Lazimnya, penggunaan minyak masak terpakai secara berleluasa dalam kalangan masyarakat masa kini secara tidak sedarnya akan menyebabkan berlakunya pencemaran pada alam sekitar dan juga kesihatan manusia. Justeru, Kerajaan Negeri menfokuskan pendedahan awal di sekolah-sekolah berhubung kepentingan tersebut,” katanya pada Sesi Taklimat Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau menambah bahawa sokongan daripada ibu bapa diharap akan lebih menjayakan dan memberi makna kepada kempen kitar semula berkenaan.

Kempen Kesedaran Kebersihan ke arah negeri Bersih dan Hijau pertama

tanggungjawab menjalankan kempen-kempen kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya menjaga kebersihan tempat awam. Inisiatif juga diambil dengan memperbanyakkan tong sampah sedia ada dan mengalu-alukan orang ramai yang mengunjungi hutan lipur ini supaya lebih berhemah dalam menjaga kebersihan.

Menurut jurucakap MPSP,

Soon Lip Chee, setiap tahun pada bulan September, Kempen Kesedaran Kebersihan akan diadakan di lokasi pilihan sekitar kawasan Seberang Perai.

“Kami berharap agar badan bukan kerajaan (NGO), pihak sekolah dan masyarakat dapat bekerjasama bagi menjayakan kempen ini pada masa akan datang,” ujarnya.

Kempen yang diadakan di hutan lipur baru-baru ini melibatkan kira-kira 40 buah sekolah rendah dan menengah di Seberang Perai merangkumi hampir 800 peserta Pengakap dan Pandu Puteri.

PENGERUSI Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (kanan sekali) serta Yang Dipertua (YDP) MPSP, Maimunah Mohd. Sharif menunjukkan botol-botol yang berjaya dikumpul semasa Kempen Kesedaran Kebersihan di Hutan Lipur, Cherok To’Kun di sini baru-baru ini.



WAKIL daripada SBM menerangkan kepada Ong Ah Tiong (dua dari kanan), guru besar dan pelajar mengenai Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai di sini baru-baru ini.



PARA Penguatkuasa MPPP sedang mengalihkan kesan perobohan tembok dengan bantuan kren di Jalan Hutton di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Demi keselamatan orang awam, Unit Penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bertindak merobohkan struktur bertembok di laluan belakang Hotel Penaga yang terletak di Jalan Hutton di sini baru-baru ini.

Selain faktor keselamatan bagi memastikan bahawa lorong berkenaan adalah selamat digunakan oleh orang awam ketika berlakunya kecemasan serta bagi tujuan penyelenggaraan bebas dari sebarang halangan ketika berlakunya kebakaran oleh pihak Bomba dan Penyelamat, tindakan perobohan tersebut adalah ekoran aduan orang ramai kepada pihak majlis.

Sebelum ini, pihak hotel telah diberikan notis melalui Jabatan Bangunan di bawah Seksyen 69 (3) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik untuk memulihkan semula halangan tersebut. Namun pemilik membuat permohonan selama sebulan untuk memulihkan keadaan tersebut.

Walau bagaimanapun, pada hari tindakan tersebut dijalankan, pemilik melalui kontraktor yang dilantik telahpun mengambil inisiatif mengalihkan struktur berkenaan dan pihak Penguat-



Tembok diroboh demi keselamatan

kuasa MPPP seramai 20 orang hanya membantu membersihkan kesan-kesan perobohan itu.

Isu ini juga pernah menimbulkan spekulasi apabila terdapat pihak mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat berhubung kegagalan Kerajaan Negeri mengambil tindakan terhadap pengusaha hotel. Pihak hotel memberikan kerjasama sepenuhnya semasa kerja-kerja perobohan dilakukan.



STRUKTUR halangan bertembok sebelum dirobohkan.



Anak yatim Permatang Bendahari dirai

ROSIDI Hussain (dua dari kiri) bersama Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan zakat kepada seorang kanak-kanak pada Majlis Penyerahan Zakat dan Sumbangan kepada Anak Yatim KADUN Penaga, baru-baru ini.

SEBAHAGIAN daripada ahli pasukan sukarelawan COMBI JKKK Titi Teras bergambar kenang-kenangan bersama barisan juri dan Mohd. Tuah Ismail (duduk, dua dari kanan) beserta piala yang dimenangi.

JKKK Titi Teras johan lagi

BALIK PULAU – Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Titi Teras terus mengorak langkah melaraskan pelbagai pencapaian dan kejayaan. Terbaru, JKKK Titi Teras telah dinobatkan sebagai johan pasukan sukarelawan COMBI bagi Daerah Barat Daya anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya, di sini.

Sebelum ini, JKKK Titi Teras pernah dinobatkan sebagai JKKK terbaik, mengalahkan 290 JKKK lain serta memenangi ganjaran RM50,000 bagi kegunaan pembangunan prasarana pilihan JKKK. JKKK Titi Teras telah memilih untuk membangunkan gelanggang futsal serbaguna di Titi Teras.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, di kawasan JKKK Titi Teras telahpun diwujudkan program-program berbentuk kesihatan di samping mendapat sokongan daripada Pejabat Kesihatan Daerah. Malah penubuhan



pasukan sukarelawan COMBI ini adalah rentetan Program Kesihatan Titi Teras.

Tambah beliau lagi, program ini dijalankan mengikut ‘cluster’ iaitu ahli pasukan dibahagi mengikut kategori kawasan-kawasan tertentu antaranya kawasan dalam kampung, tepi sungai, tepi jalan, padang Kemunting, Jalan Chai dan Air Putih. Setiap satu mempunyai seorang ketua dan penolong yang akan bergerak dalam kumpulan-kumpulan kecil ke kawasan-kawasan berkenaan.

Malah kemenangan JKKK Titi Teras telah menyemarakkan lagi semangat ahli JKKK untuk mengamalkan pendekatan COMBI iaitu secara besar-besaran (*massive*), secara berulang-ulang (*repetitive*), secara bersungguh-sungguh (*intensive*) dan secara berterusan (*persistence*) demi menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk dan agar Titi Teras bebas denggi.

PENAGA – Seramai 33 orang anak yatim dan 20 orang penerima sumbangan zakat, Pusat Urusan Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZPP), diraikan dalam satu Majlis Penyerahan Zakat dan Sumbangan kepada Anak Yatim KADUN Penaga, baru-baru ini.

Majlis yang dikelolakan oleh Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Penaga, turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah PUZPP, Tuan Haji Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan DUN (PPK) Penaga, Rosidi Hussain dalam ucapan beliau, tahun ini, jumlah penerima sumbangan jauh lebih ramai berbanding tahun lalu iaitu 101 penerima sehingga kini berbanding 30 penerima sahaja pada 2010.

Tambah beliau lagi, sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat menggembirakan penerimanya dan mampu meringankan sedikit bebanan saraan hidup.

“Hidup ini untuk memberi. Malah termaktub dalam al-Quran, meraikan anak yatim dalam apa juar amatlah disukai Allah SWT,” ujar beliau yang berpegang kepada falsafah “We Walk The Talk”.

Beliau turut melahirkan rasa syukur dan terima kasih beliau kepada Kerajaan Negeri, badan-badan korporat, warga kilang, Masjid at-Taqwa Taman Bertam Indah dan JKKK kerana banyak memberi sokongan tanpa mengira latar belakang politik dalam melaksanakan tanggungjawab dan kebajikan terhadap masyarakat Pulau Pinang, amnya.

219, Tingkat Sungai Gelugor 5,
11700 Gelugor,
Pulau Pinang
“mailto:awahabdaud@yahoo.com”awahabdaud@yahoo.com

Tarikh : 22 Ogos, 2011

Y.B. Tuan S.N. Rayer a/l Rajaji,
Ahli Dewan Undangan Negeri (Seri Delima),
5, Tingkat Tembaga, Island Park., 11600 PULAU PINANG

Y.B. Tuan,

UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Dengan hormatnya saya dan anak saya, Siti Nur ‘adilah binti Abdul Wahab ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih atas pemberian sebuah laptop (jenama LENOVO G470) yang telah disampaikan oleh Y.B. tuan kepada kami pada petang Sabtu lalu, 20 Ogos, 2011 sempena Majlis Berbuka Puasa di Dewan JKKK Sungai Gelugor.

Sesungguhnya pemberian tersebut amatlah bermakna kepada kami, di mana anak saya dapat menggunakaninya di universiti nanti.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat dari kami,

(Abdul Wahab bin S. Daud, PKT, PJK)

(Siti Nur ‘adilah binti Abdul Wahab)

**SITI Nur Adilah
Abdul Wahab (dua dari kanan)
menerima sum-
bangan komputer
ribu daripada S.N.
Rayer (kiri sekali)
sempena Majlis
Berbuka Puasa
di Dewan JKKK
Sungai Gelugor di
sini baru-baru ini.**

